

Dikhuatiri lahirkan generasi 'besar kepala'

» Agama Islam bolehkan anak dirotan, ikut syarat ditetapkan

Oleh Mohd Hamizar Hamid, Amin Ridzuan Ishak dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelbagai pihak membantah dan meminta kerajaan mengkaji semula cadangan menghukum ibu bapa yang merotan anak kerana tindakan itu dibolehkan mengikut undang-undang Islam jika memenuhi syarat ditetapkan.

Malah, ada menyifatkan pengubalan akta baharu menggantikan Akta Kanak-Kanak 2001 dengan menghukum ibu bapa yang merotan anak mereka dikhuatiri bakal melahirkan generasi 'besar kepala' dan tidak berakhlak.

Antara yang menyuarakan pandangan adalah Mufti Pahang, Datuk Seri Abdul Rahman Othman; Pengerusi Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam), Datuk Khairul Anwar Rahmat; Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Shahrizat Jalil; Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Jais Abdul Karim; Pengerusi Kanan Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Ma-

laysia (UKM), Dr Izhar Ariff Mohd Kassim; EXCO Pemuda UMNO, Dr Fathul Bari Mat Jahya dan Pakar sosial dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Di **Kuantan**, Abdul Rahman berkata, kerajaan tidak wajar mengetepikan hukum syarak dalam mewujudkan hukuman itu yang dibuat menerusi penggubalan akta baharu.

Dibenarkan hukum syarak

"Mengikut hukum syarak, Nabi Muhammad SAW sendiri pernah bersabda bahawa ibu bapa boleh merotan anak mereka mengikut syarat ditetapkan iaitu berusia 10 tahun ke atas, selepas melalui proses nasihat dan tidak sehingga mencederakannya.

"Kalau hendak rotan untuk mendidik anak ke arah kebaikan boleh tetapi biarlah tidak memudaratkan, ia lebih kepada bentuk merotan nasihat bukannya sehingga mencederakan kanak-kanak itu atau dirotan mengikut nafsu.

"Syarat-syarat sudah ada... bukannya merotan sesuka hati. Contohnya, kita mesti mengajar dan beri nasihat anak kita supaya solat pada peringkat kanak-kanak lagi dan kalau tidak ikut juga barulah boleh rotan hanya pada anggota badan tertentu sahaja," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata akta baharu bagi menggantikan Akta Kanak-Kanak 2001 yang akan dibentang-

kan di Parlimen selewat-lewatnya pada Jun depan, antara lain memasukkan hukuman terhadap ibu bapa yang merotan anak mereka.

Katanya, kerajaan tiada pilihan selain menjadikan merotan sebagai satu kesalahan kerana Malaysia adalah antara negara yang menandatangani perjanjian Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC).

Hukuman ibu bapa yang merotan anak mereka dijangka lebih berat berbanding sedia ada iaitu denda maksimum RM20,000 atau penjara 10 tahun atau keduanya sekali jika sabit kesalahan, selain mempertimbangkan untuk mengarahkan ibu bapa terbabit melakukan kerja kemasayarakatan untuk menjadikan mereka lebih sedar serta insaf.

Perlu berbincang

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, kerajaan perlu mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak, termasuk Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk mendapatkan pandangan sebelum hukuman itu diperkenalkan.

"Jangan kita ketepikan hukum syarak dalam mewujudkan hukuman dicadangkan itu yang dibimbangi juga bakal menimbulkan kebingungan di kalangan orang ramai seperti berlaku sekarang ini, katanya.

◊ 'Sayang anak, tangantangan' masih relevan - RENCANA 26